

Pesaka Pahang sasar lima emas

Asrol Awang

sukanteam@nstp.com.my



BARISAN kejurulatihan dan pesilat yang menyertai Sukan Malaysia (Sukma) MSN 2022.
FOTO Pesaka Pahang

Kuantan: Persatuan Silat Negeri Pahang (Pesaka Pahang) mempertaruhkan 28 pesilat baharu pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) MSN 2022.

Setiausaha Agung Pesaka Pahang, Datuk Osman Nok berkata, biarpun kekurangan pengalaman, pihaknya percaya dengan kemampuan pesilat berkenaan.

"Pada Sukma kali ini, Pesaka menyenaraikan 32 pesilat, masing-masing 28 atlet baharu dan empat atlet yang pernah bertanding pada temasya itu.

"Dengan menampilkan 28 pesilat baharu, sasaran Pesaka Pahang ialah untuk meraih lima pingat emas. Berdasarkan persediaan, kita percaya mampu mencapai sasaran itu," katanya.

Atlet silat Pahang akan menyertai 18 kategori silat olahraga dan 14 silat seni. Pada Sukma 2018 di Perak, skuad silat Pahang meraih enam emas.

Sebagai persediaan menghadapi temasya sukan itu, Osman berkata, enam jurulatih diberi tanggungjawab dalam mencapai sasaran itu.

Disiarkan pada: September 12, 2022 @ 6:31pm